



Jabatan Pembangunan Wanita,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

SIAPAKAH YANG AKAN MENDAPAT PERLINDUNGAN DIBAWAH AKTA 521 INI?

Isteri atau suaminya;

Bekas isteri atau suaminya;

Kanak-kanak (anak-anak);

Orang dewasa tidak berkeupayaan;
atau

Mana-mana anggota keluarga
yang lain.

BAGAIMANA PERLINDUNGAN DIBERIKAN?



EPO

PO

IPO

PERUNTUKAN PERUNDANGAN: KEGANASAN YANG BERLAKU DALAM RUMAH TANGGA DI MALAYSIA MERUPAKAN KESALAHAN DIBAWAH AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994 (PINDAAN) 2017 (AKTA 521)

Keganasan Rumah Tangga (KRT) ditakrifkan sebagai **satu perbuatan atau lebih seperti berikut:**

- A** Secara sengaja atau dengan disedari meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan, kecederaan fizikal;
- B** Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepertinya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- C** Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, mangsa itu berhak untuk tidak melakukan;
- D** Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa;
- E** Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa;
 - (ea) dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
 - (eb.) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, pihak ketiga atau mengalami kesedihan;
 - (ec.) berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya.
- F** Menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- G** Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalah undang-undang; atau
 - H** Dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

KEGANASAN RUMAH TANGGA (KRT)

APA YANG BERLAKU?

APA YANG PERLU SAYA TAHU?

BAGAIMANA SAYA PERLU BERTINDAK?



EMERGENCY PROTECTION ORDER (EPO)

- 1 Terpakai kepada mangsa kesalahan keganasan rumah tangga (KRT) di bawah Seksyen 2 perenggan (a) atau (b) Akta 521.
 - Seksyen 2 (a): Sengaja meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan/ kecederaan fizikal.
 - Seksyen 2 (b): Mencederakan mangsa secara fizikal.
- 2 Boleh dimohon bila-bila masa (kuasa melulus oleh pegawai JKM), sama ada mangsa telah mempunyai IPO dan PO sebelum itu atau IPO dan PO tersebut belum selesai.
- 3 Perintah EPO diberikan untuk:
 - Menghalang pelaku daripada mencederakan mangsa;
 - Menghalang pelaku menghasut orang lain untuk melakukan KRT; atau
 - Melarang pelaku memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif.

INTERIM PROTECTION ORDER (IPO)

- 1 IPO boleh dimohon di Mahkamah sementara menunggu siasatan pihak polis.
- 2 Permohonan dibuat oleh Ex-Parte iaitu; (i) mangsa, (ii) peguam mangsa; atau (iii) Pegawai Kebajikan Masyarakat bagi pihak mangsa. (Seksyen 12A)
- 3 IPO menghalang pelaku dari melakukan KRT dan menghalang pelaku dari menghasut untuk melakukan KRT terhadap mangsa.

PROTECTION ORDER (PO)

- 1 Dikeluarkan oleh mahkamah dalam prosiding yang melibatkan suatu aduan KRT.
- 2 Implikasinya adalah untuk menghalang pelaku melakukan KRT terhadap mangsa.
- 3 Mahkamah boleh memasukkan peruntukan bahawa pelaku tidak boleh menghasut orang lain untuk melakukan keganasan terhadap orang lain untuk melakukan keganasan terhadap orang yang dilindungi;
- 4 Berkuatkuasa selama tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya perintah itu.

TINDAKAN/ PROSES BANTUAN SEKIRANYA ANDA MANGSA



HENTIKAN! KITARAN PENDEREAAN DALAM RUMAH TANGGA



Bagaimana
kitaran
penderaan
berlaku?

- 1 KETEGANGAN MEMUNCAK Ketegangan meningkat, masalah komunikasi, mangsa menjadi takut
- 2 KEJADIAN Penderaan lisan, emosi & fizikal. Kemarahan, mempersalahkan, bertengkar, ancaman dan ugutan.
- 3 PENDAMAIAAN Pelaku meminta maaf, memberi alasan, menyalahkan mangsa, menafikan penderaan berlaku atau menyatakan bahawa penderaan tidak seburuk seperti dakwaan mangsa.

HUBUNGI TALIAN BANTUAN:

TALIAN Kasih
15999

Aplikasi Whatsapp
019 26 15999